

MAFORAN TABLET

Warfarin Sodium (as Warfarin Sodium Clathrate) (1mg, 2mg, 3mg dan 5mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Maforan Tablet
2. Bagaimana Maforan Tablet berfungsi
3. Sebelum mengambil Maforan Tablet
4. Cara mengambil Maforan Tablet
5. Semasa mengambil Maforan Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Maforan Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan Maforan Tablet

Maforan digunakan untuk mencegah dan/atau merawat pembekuan darah yang terbentuk dalam saluran darah. Ia membantu mengurangkan kecenderungan darah untuk membentuk bekuan di kaki, paru-paru, otak atau jantung, dan untuk mengelakkan pembentukan atau pengulangan bekuan darah selepas serangan jantung.

Bagaimana Maforan Tablet berfungsi

Maforan adalah sejenis ubat antikoagulan. "Anti" bermaksud menentang, dan "koagulan" merujuk kepada pembekuan darah. Antikoagulan membantu mengurangkan berlakunya pembekuan dalam darah. Maforan menghalang sebahagian daripada penyerapan semula vitamin K oleh hati anda. Vitamin K diperlukan untuk membina faktor pembekuan yang membantu pembekuan darah dan menghentikan pendarahan. Vitamin K boleh didapati secara semula jadi dalam makanan seperti sayur-sayuran hijau dan berdaun dan beberapa minyak sayuran. Maforan mula mengurangkan pembekuan darah dalam masa 24 jam selepas mengambil ubat ini. Kesan penuh boleh mengambil

masa 72 hingga 96 jam untuk berlaku.

Sebelum mengambil Maforan Tablet

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan gunakan Maforan jika anda alah kepada *warfarin sodium* atau mana-mana bahan dalam ubat ini.

Jangan ambil Maforan bersama-sama dengan gel oral *Miconazole*.

Mengandung dan menyusu

Jika anda hamil, fikir anda mungkin hamil atau merancang untuk hamil, dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini.

Jangan mengambil Maforan semasa hamil. Maforan mungkin membahayakan bayi anda yang belum lahir. Gunakan kaedah pencegahan kehamilan yang berkesan semasa mengambil Maforan.

Jika dos yang tepat diambil, maforan tidak berkemungkinan membahayakan bayi anda semasa menyusu.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil sebarang ubat

- Sebelum mengambil Maforan Tablet

Bercakap dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil Maforan jika anda:

- Mempunyai masalah hati atau buah pinggang
- Mempunyai masalah tiroid
- Mempunyai atau pernah mengalami ulser perut atau pendarahan pada perut atau usus.
- Lebih cenderung untuk mengalami pembekuan darah (trombofobia)
- Mempunyai risiko kecederaan atau jatuh yang tinggi
- Mengalami strok iskemik di dalam masa terdekat (disebabkan oleh sekatan bekalan darah ke otak)

- Bakal menjalani pembedahan dan doktor anda mungkin perlu mengubah dos anda atau menghentikan rawatan warfarin
- Sedang mengambil sebarang ubat yang boleh meningkatkan risiko pendarahan atau mencegah pembekuan darah
- Mendapat gejala-gejala antikoagulasi yang berlebihan semasa rawatan seperti lebam, hidung berdarah atau hematuria (darah dalam air kencing) yang muncul tanpa sebab.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang diperoleh tanpa preskripsi, ubat herba atau produk semula jadi.

Beberapa ubat dan produk yang biasa digunakan yang mungkin mengganggu Maforan termasuk:

- *Miconazole*
- Ubat fibrinolitik untuk merawat atau mencegah pembekuan darah (contoh: *alteplase, streptokinase*)
- Ubat anti-radang bukan steroid (NSAIDs) (contoh: *aspirin, ibuprofen*), ubat anti-platelet, ubat untuk merawat masalah jantung (contoh: *amiodarone, propafenone*), jangkitan kulat (contoh: *fluconazole*), untuk menurunkan kolesterol dalam darah (contoh: *bezafibrate, gemfibrozil*), untuk merawat gout (contoh: *allopurinol*), untuk merawat asma (contoh: *zafirlukast*)- masa pendarahan yang berpanjangan
- Ubat untuk merawat epilepsi (contoh: *phenobarbital, carbamazepine*), tuberkulosis (contoh: *rifampicin*), immunosupresan (contoh: *azathioprine*), kontraseptif oral, vitamin K-mengurangkan kesan warfarin.
- Beberapa jenis ubat yang digunakan untuk mencegah pembekuan darah (contoh: *warfarin, dicoumarol phenprocoumon*,

MAFORAN TABLET

Warfarin Sodium (as Warfarin Sodium Clathrate) (1mg, 2mg, 3mg dan 5mg)

acenocoumarol dan *fluindione*). Kesan ubat-ubatan ini mungkin lebih kuat apabila digunakan bersama glukosamin. Oleh itu, pesakit yang dirawat dengan kombinasi sedemikian hendaklah dipantau dengan lebih teliti apabila memulakan atau menamatkan terapi glukosamin.

Untuk melegakan kesakitan atau demam semasa mengambil warfarin, persediaan yang hanya menggunakan paracetamol sebagai bahan aktif sahaja yang dibenarkan.

Sila dapatkan nasihat doktor anda jika anda mengambil ubat herba berikut:

- *Ginkgo, dong quai* dan *dashen* boleh mempotensikan kesan warfarin
- *St. John's wort* dan ginseng boleh mengurangkan kesan warfarin

Jangan minum alkohol dalam jumlah yang besar semasa menggunakan Maforan. Jus kranberi dan produk kranberi lain boleh meningkatkan kesan warfarin dan oleh itu penggunaan serentak harus dielakkan.

Cara mengambil Maforan Tablet

- Berapa banyak harus diambil

Pengambilan dan dos Maforan adalah secara individu mengikut tindak balas anda (PT/INR) terhadap ubat.

Pastikan anda mengambil Maforan mengikut arahan yang telah diberikan oleh doktor anda. Jangan ubah dos anda tanpa mendapat kepastian dari doctor anda. Cuba ambil tablet anda pada masa yang sama setiap hari. Rujuk dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti.

Doktor anda akan melakukan ujian darah semasa rawatan dan mungkin mengubah dos anda bergantung pada keputusan tersebut. Adalah sangat penting untuk menjalani

ujian darah pada masa yang tetap untuk melihat berapa lama masa yang diperlukan darah anda untuk membeku, dan adalah perlu untuk mengikut arahan dos dan menjalani ujian darah.

- Bila perlu diambil

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu diambil

Terus mengambil Maforan seperti yang dinasihatkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah sampai masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

Beritahu doktor anda bahawa anda terlupa dos apabila berjumpa dengannya atau semasa menjalani ujian darah anda.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa mengambil Maforan Tablet

- Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda

bahawa anda sedang menggunakan Maforan.

- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Maforan dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Perubahan secara mendadak dalam cara pemakanan harus dielakkan kerana jumlah vitamin K dalam makanan mungkin boleh mengganggu terapi warfarin. Pemakanan yang seimbang dengan jumlah vitamin K yang tetap adalah disyorkan.

Memandu dan menggunakan mesin
Ubat ini tidak mempunyai kesan yang diketahui terhadap keupayaan memandu atau mengendalikan mesin.

Jika ubat ini membuat anda berasa sakit, pening atau letih, atau menyebabkan anda sakit kepala, jangan memandu atau menggunakan mesin dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Maforan boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Berhenti mengambil ubat ini dan berjumpa doktor atau pergi ke hospital dengan segera jika anda mengalami:

- Reaksi alahan yang jarang berlaku, seperti bengkak pada muka, lidah, bibir dan tekak,

MAFORAN TABLET

Warfarin Sodium (as Warfarin Sodium Clathrate) (1mg, 2mg, 3mg dan 5mg)

kesukaran bernafas, gatal-gatal yang teruk pada kulit anda dengan timbulnya ketulan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera.

Sesetengah kesan sampingan mungkin serius. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mengalami symptom berikut:

- Pendarahan tanpa sebab atau tanda-tanda pendarahan (ini mungkin bermakna paras pembekuan darah anda terlalu rendah dan dos anda perlu diubah)
 - hidung atau gusi berdarah tanpa sebab;
 - lebam atau bintik-bintik merah pada kulit;
 - pendarahan yang teruk apabila terluka atau cedera;
 - air kencing berwarna merah gelap atau coklat (ini mungkin disebabkan oleh pendarahan pada pundi kencing atau buah pinggang);
 - najis berwarna hitam dan melekit (tanda-tanda pendarahan pada perut, usus atau rektum);
 - (untuk wanita) pendarahan berlebihan semasa haid atau pendarahan dari faraj;
 - penglihatan kabur, pertuturan kurang jelas, hilang kawalan pergerakan, kebas, pening, sakit kepala, berasa kurang sihat, sawan, hilang kesedaran. Ini mungkin tanda-tanda pendarahan dalam otak.
- kesakitan pada jari kaki dan berwarna biru-ungu
- kulit atau mata kekuningan (jaundis)
- sakit teruk pada bahagian atas abdomen (tanda keradangan pankreas)
- ruam kulit yang menyakitkan. Kadang-kala warfarin boleh menyebabkan reaksi kulit yang serius dan salah satunya ialah *calciophylaxis*, di mana ia bermula dengan ruam kulit yang menyakitkan dan boleh

menyebabkan komplikasi yang teruk. Reaksi ini lebih kerap berlaku pada pesakit dengan penyakit ginjal kronik.

Kekerapan ‘tidak diketahui’-Kemosrosis fungsi buah pinggang dengan antikoagulasi berlebihan dan kehadiran darah dalam air kencing (nefropati berkaitan dengan antikoagulasi)

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika mana-mana kesan sampingan berikut berlarutan atau bertambah serius:

- berasa kurang sihat, cirit-birit
- keguguran rambut
- ruam kulit
- demam
- pengurangan bilangan sel darah merah haemoglobin (diperhatikan dalam ujian darah)

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami kesan sampingan lain yang menyebabkan anda berasa kurang sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku dikalangan sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara Penyimpanan dan Pelupusan Maforan Tablet

- Penyimpanan

Jangan simpan pada suhu melebihi 30°C.

Lindungi daripada cahaya.

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Tarikh luput Maforan dicetak pada karton dan blister.

Jangan mengambil Maforan yang telah melepasi tarikh luput yang dicetak pada bungkusan.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Jika doktor anda mengarahkan anda berhenti mengambil Maforan, atau ubat ini telah melepasi tarikh luputnya, sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

- Rupa dan warna produk

Maforan 1 mg Tablet

Tablet berwarna putih, bulat, rata, bergaris dan berukir “MAFORAN”, “1” pada satu belah dan kosong pada sebelah yang lain.

Maforan 2 mg Tablet

Tablet berwarna jingga, bulat, rata, bergaris dan berukir “MAFORAN”, “2” pada satu belah dan kosong pada sebelah yang lain.

Maforan 3 mg Tablet

Tablet berwarna biru gelap, bulat, rata, bergaris dan berukir “MAFORAN”, “3” pada satu belah dan kosong pada sebelah yang lain.

Maforan 5 mg Tablet

Tablet berwarna merah jambu, bulat, rata, bergaris dan berukir “MAFORAN”, “5” pada satu belah dan kosong pada sebelah yang lain.

- Bahan-bahan kandungan:

- Bahan aktif:

Warfarin Sodium (sebagai Warfarin Sodium Clathrate)

- Bahan tidak aktif:

Microcrystalline cellulose

Lactose monohydrate

Sodium starch glycolate

Poloxamer

Povidone

Colloidal silicon dioxide

Talcum

Magnesium stearate

Colorants:

MAFORAN TABLET

Warfarin Sodium (as Warfarin Sodium Clathrate) (1mg, 2mg, 3mg dan 5mg)

Sunset yellow (2mg)
Brilliant Blue (3mg)
Erythrosine lake (5mg)

- MAL Number

Maforan 1 mg Tablet
(MAL20086013ARZ)
Maforan 2mg Tablet
(MAL20086014ARZ)
Maforan 3mg Tablet
(MAL20086015ARZ)
Maforan 5mg Tablet
(MAL18086118ARZ)

Pengilang

Dibungkus dan dikeluarkan oleh:

GoodScience Sdn. Bhd.
No.7, Jalan KPK 4/3, Kawasan
Perindustrian Kundang, Kundang
Jaya 48020 Rawang, Selangor,
Malaysia

Dikilang oleh:

Sriprasit Pharma Co., Ltd.
216 Moo 6, Suanluang, Krathum
Baen, Samut Sakhon 74110,
Thailand

Pemegang Pendaftaran Produk

GoodScience Sdn. Bhd.
No.7, Jalan KPK 4/3, Kawasan
Perindustrian Kundang, Kundang
Jaya 48020 Rawang, Selangor,
Malaysia

Tarikh Kemaskini RiMUP
07/01/2025

Nombor Siri
NPRA (R2) 19/236